



PERLEMBAGAAN

**PERLEMBAGAAN
BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN (BAKMAS)
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**



MALAYSIA

AKTA PERTUBUHAN 1966

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984

BORANG 3
(Peraturan 5)

SIJIL PENDAFTARAN

Adalah dengan ini diperakui bahawa.....
**BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN KEHAKIMAN
SYARIAH NEGERI PERAK (BAKMAS);**

.....
D/a Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak, Aras 4,
.....Bangunan Tabung Haji, Jalan Kao, Chang Kong, 30000 Ipoh, Perak.....

telah pada hari ini didaftarkan sebagai suatu pertubuhan di bawah seksyen 7
Akta Pertubuhan 1966 dan bahawa nombor pendaftarannya ialah.....

.....
1209
.....

Diperbuat dengan ditandatangani oleh saya pada⁵.....haribulan
.....**September** 20**02**.....

Keen & Keen
(DATO' ISMAIL BIN DOLAH HARUN)

Pendaftar Pertubuhan,
Malaysia

SUSUNAN PERLEMBAGAAN

FASAL

FASAL 1	-	NAMA
FASAL 2	-	ALAMAT
FASAL 3	-	TUJUAN
FASAL 4	-	KEAHLIAN
FASAL 5	-	YURAN BULANAN
FASAL 6	-	JAWATANKUASA
FASAL 7	-	TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA KELAB
FASAL 8	-	MESYUARAT
FASAL 9	-	MENGUNDI
FASAL 10	-	KEWANGAN
FASAL 11	-	PEMERIKSA KIRA-KIRA
FASAL 12	-	PINDAAN
FASAL 13	-	PEMBUBARAN
FASAL 14	-	LARANGAN
FASAL 15	-	TAFSIRAN
FASAL 16	-	PENASIHAT

SENARAI NAMA AHLI JAWATANKUASA KELAB BAKMAS

SURAT KELULUSAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN BADAN KEBAJIKAN & SUKAN
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PERAK DARUL RIDZUAN

PERLEMBAGAAN
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PERAK
(BAKMAS)

UNDANG - UNDANG DIDAFTAR
MENURUT SUJIL BIL. 1209
TARIKH: 5/9/02
b/p PENDAFTAR PERTUBAHAN
MALAYSIA.

FASAL I - NAMA

- 1.1. Badan ini akan dinamakan BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERAK atau nama ringkasnya "BAKMAS", selepas ini dikenali sebagai 'badan' atau pun "BAKMAS".

FASAL 2 - ALAMAT

- 2.1. Alamat berdaftar dan tempat-tempat mesyuarat ialah d/a Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak, Aras 4, Bangunan Tabung Haji, Jalan Koo Chong Kong, 30000 Ipoh Perak atau di lain tempat atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa. Alamat berdaftar dan tempat bermesyuarat tidak boleh diubah dengan tidak mendapat kebenaran daripada Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 - TUJUAN

- 3.1. Memupuk dan menanam semangat muhibah di antara Ahli-ahli BAKMAS di samping menambahkan rasa persefahaman dan harmoni dengan tidak mengira pangkat.
- 3.2. Menggalakkan ahli-ahli supaya bekerjasama dalam kehidupan seharian dengan menganjurkan kerja-kerja atau aktiviti-aktiviti gotong-royong dan amal kebajikan.
- 3.3. Meningkatkan mutu sukan dan semangat kesukanan di kalangan ahli-ahli dengan mengadakan latihan-latihan dan kursus-kursus yang perlu.
- 3.4. Menggalakkan ahli-ahli supaya mempunyai semangat dan akhlak yang mulia, bertatertib dan berdisiplin serta semangat kesukanan yang tulen dengan cara mengadakan ceramah-ceramah, nasihat dan perlawanan persahabatan di antara jabatan-jabatan.
- 3.5. Mengambil bahagian dalam rancangan pembangunan negara dan kebajikan yang memberi faedah kepada masyarakat dan ahli-ahli kelab seterusnya.



- 3.6. Menggalakkan ahli-ahli supaya memelihara unsur-unsur kebudayaan masing-masing berteraskan kebudayaan nasional dengan memberi kursus-kursus yang difikirkan perlu kepada ahli-ahli.
- 3.7. Memungut wang dan mentadbir urusan kewangan bagi menjayakan segala matlamat di atas.
- 3.8. Menanam semangat kasih sayang dan taat setia kepada Negara.
- 3.9. Membantu ahli-ahli terutama semasa kesulitan.

FASAL 4 - KEAHLIAN

4.1. Ahli

4.1.1. Ahli Biasa

Keahlian terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak termasuk kakitangan kontrak dan sambilan.

4.1.2. Ahli Bersekutu

Keahlian terdiri daripada kakitangan yang pernah bertugas di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak tetapi telah bertukar ke jabatan lain. Ahli bersekutu tidak mempunyai hak mengundi atau memegang jawatan.

4.1.3. Ahli Keluarga

Keahlian terdiri daripada suami/isteri kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak. Ahli keluarga tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Agong, tidak boleh memegang jawatan dalam Jawatankuasa dan tidak perlu membayar yuran.

4.2. Cara Menjadi Ahli

Pegawai dan kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Perak adalah layak menjadi ahli biasa dengan mengisi borang keahlian yang dikemukakan kepada Setiausaha. Setiausaha akan mengemukakan permohonan itu secepat mungkin kepada jawatankuasa untuk diluluskan. Borang keahlian juga hendaklah mengandungi maklumat-maklumat mengenai ahli keluarga.



4.3. Batal Menjadi Ahli

Ahli biasa BAKMAS akan batal menjadi ahli jika :-

- i) Atas permohonannya setelah ia bertukar ke jabatan lain.
- ii) Tidak membayar yuran lebih dari setahun.

4.4. PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

4.4.1. Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Badan, hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu daripada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.

4.4.2. Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Badan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik Badan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

FASAL 5 - YURAN AHLI

Ahli Biasa dan Bersekutu BAKMAS akan dikenakan Yuran bulanan seperti berikut ;

BIL	KATEGORI	BULANAN	SETAHUN
1.	Peringkat Pengurusan dan Profesional	RM5.00 seorang	RM50.00
2.	Sokongan 1 B	RM4.00 seorang	RM40.00
3.	Sokongan II C B	RM2.00 seorang	RM20.00

Seorang ahli akan hilang hak-hak keahliannya sekiranya tidak menjelaskan yuran bulanan melebihi setahun sehingga hutang yurannya dijelaskan.



FASAL 6 - JAWATANKUASA

Ahli Jawatankuasa adalah dilantik daripada ahli biasa di dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan perkhidmatan mereka adalah sukarela bagi tempoh 2 tahun.

6.1. Jawatankuasa

Jawatankuasa BAKMAS adalah terdiri daripada :-

- 6.1.1. Seorang Pengerusi yang dilantik dalam mesyuarat Agung
 - 6.1.2. Seorang Naib Pengerusi yang dilantik dalam Mesyuarat Agung
 - 6.1.3. Setiausaha hendaklah dilantik oleh Mesyuarat Agung
 - 6.1.4. Penolong Setiausaha yang dilantik dalam Mesyuarat Agung
 - 6.1.5. Bendahari hendaklah dilantik oleh Mesyuarat Agung
 - 6.1.6. 8 orang Ahli Jawatankuasa biasa dilantik dalam Mesyuarat Agung
- 6.2. Pemegang-Pemegang jawatan Badan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas-tugas pemerintah dalam Badan ini hendaklah Warganegara Malaysia.
- 6.3. Nama-nama untuk jawatan yang dipilih dalam mesyuarat Agung di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh Ahli Biasa di dalam Mesyuarat Agung Tahunan setiap 2 tahun sekali.
- 6.4. Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Badan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Badan mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh mesyuarat Agung. Jawatankuasa seharusnya tidak boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.
- 6.5. Mana-mana ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Jawatankuasa Bakmas boleh ditamatkan perkhidmatannya pada bila-bila masa oleh Mesyuarat Agung.
- 6.6. Jika mana-mana ahli Jawatankuasa meninggal dunia, bertukar jabatan, atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu akan mengisi jawatan tersebut dan sekiranya beliau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik



ahli lain untuk memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

- 6.7. Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil untuk menggerakkan aktiviti dan program dan memberi kewajipan khas kepada mana-mana ahli jawatankuasa.

FASAL 7 - TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA BADAN

- 7.1. Pengerusi akan mempengerusikan semua Mesyuarat serta mengawasi akan pentadbiran dan perjalanan Badan.
- 7.2. Naib Pengerusi akan membantu Pengerusi menjalankan tugas Pengerusi dan akan memangku jawatan / Pengerusi dan mempengerusikan mesyuarat semasa ketiadaan Pengerusi.
- 7.3. Setiasaha akan menguruskan segala surat-menyurat, mencatat minit mesyuarat dan menyimpan segala butir-butir mesyuarat jawatankuasa dan Mesyuarat Agung. Menyimpan buku-buku peringatan tentang aktiviti badan, mengadakan buku daftar bagi ahli-ahli dan menjalankan tugas-tugas lain yang perlu. Buku daftar Ahli yang disimpan hendaklah mengandungi butir-butir berikut :-

- 7.3.1. Nama
- 7.3.2. Umur
- 7.3.3. No. Kad Pengenalan
- 7.3.4. Pekerjaan
- 7.3.5. Alamat
- 7.3.6. No. Telefon

- 7.4. Penolong Setiasaha akan membantu Setiasaha dalam menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan Setiasaha semasa ketiadaannya.
- 7.5. Bendahari akan memungut segala yuran Badan, menyimpan buku kira-kira wang masuk dan keluar serta menyediakan :-

7.5.1. Penyata Kira-Kira Bulanan

- Penyata kira-kira tahunan yang berakhir 31 Disember



- Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit di tangan tidak lebih daripada RM100.00 dan yang lainnya hendaklah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa. Kira-kira hendaklah dibuat atas nama **BAKMAS PERAK**. Bendahari bertanggungjawab berkenaan dengan wang yang diterima dan segala pembayaran serta diberi kuasa untuk menandatangani semua cek-cek bagi pihak Badan bersama-sama Pengerusi atau Naib Pengerusi atau Setiausaha.
- **Jawatankuasa** Ahli Jawatankuasa biasa hendaklah membantu jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

FASAL 8 - MESYUARAT

8.1. Mesyuarat Jawatankuasa

- 8.1.1. Jawatankuasa akan bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diberikan kepada ahli-ahli 7 hari terlebih dahulu.
- 8.2.1. Mesyuarat Jawatankuasa akan sah dijalankan apabila dihadiri oleh $\frac{1}{2}$ daripada ahli jawatankuasa

8.2. Mesyuarat Agong Tahunan

- 8.2.1. Mesyuarat Agong tahunan Badan akan diadakan tiap-tiap tahun bagi semua ahli-ahli BAKMAS.
- 8.2.2. Mesyuarat Agong Tahunan akan diadakan selewat-lewatnya pada bulan Mac, tiap-tiap tahun.
- 8.2.3. Jawatankuasa akan menetapkan tarikh Mesyuarat Agong Tahunan dan Setiausaha akan memberitahu kepada semua ahli selewat-lewatnya pada bulan 14 hari sebelum mesyuarat. Penyata kira-kira bagi tahun lalu yang telah didiot hendaklah disertakan bersama notis mesyuarat.
- 8.2.4. Perkara-perkara di bawah hendaklah dijadikan agenda di dalam Mesyuarat Agong Tahunan :-
 - 8.2.4.1. Membaca dan mengesahkan peringatan Mesyuarat Agong yang lalu.



- 8.2.4.2. Perkara-perkara yang berbangkit daripadanya.
 - 8.2.4.3. Menerima dan mengesahkan laporan tahunan.
 - 8.2.4.4. Menerima dan mengesahkan penyata kira-kira tahun lalu yang telah di odit.
 - 8.2.4.5. Melantik pegawai-pegawai dan ahli jawatankuasa setiap 2 tahun sekali.
 - 8.2.4.6. Melantik 2 orang pemeriksa kira-kira setiap 2 tahun sekali.
 - 8.2.4.7. Melantik 2 orang Pemegang Amanah untuk mengurus, mengendali dan menyimpan apa-apa harta yang dimiliki dan bakal dimiliki apabila diperlu.
 - 8.2.4.8. Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan dalam mesyuarat itu.
- 8.2.5. Korum bagi mesyuarat agong tahunan ialah $\frac{1}{2}$ daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau 2 kali ganda jumlah ahli jawatankuasa ikut mana yang kurang.
- 8.2.6. Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh jawatankuasa dan jika tidak cukup korum selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka ahli-ahli yang hadir bolehlah menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa mengubah undang-undang Badan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
- 8.2.7. Hanya usul-usul atau resolusi yang diterima oleh setiausaha secara bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat agong tahunan yang akan dibentangkan.

8.3. Mesyuarat Agong Khas

- 8.3.1. Mesyuarat ini hendaklah diadakan jika ada permintaan 1/5 daripada ahli dengan cara bertulis atau difikirkan mustahak oleh jawatankuasa.



- 8.3.2. Cuma perkara yang diminta sahaja boleh dibincangkan.
- 8.3.3. Setiausaha hendaklah mengedarkan surat pemberitahuan kepada semua ahli-ahli 7 hari sebelum mesyuarat itu.
- 8.3.4. Mesyuarat Agong Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada suatu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat ini.
- 8.3.5. Fasa 8.2.5. dan 8.2.6 di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan mesyuarat agong tahunan boleh digunakan untuk mesyuarat agong khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi mesyuarat agong khas atas permintaan ahli-ahli, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan, dan sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agong Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

FASAL 9 - MENGUNDI

- 9.1. Ahli biasa yang telah menjelaskan segala bayaran termasuk yuran bulanannya berhak mengundi dan memegang jawatan dalam Jawatankuasa BAKMAS.
 - 9.1.1. Undi akan dijalankan secara sulit atau terbuka.
 - 9.1.2. Semua kertas undi itu akan dikumpul dan diperiksa oleh pemeriksa yang akan dilantik.

FASAL 10 - KEWANGAN

- 10.1. Disyaratkan kepada peruntukan-peruntukan yang berikut bagi undang-undang ini, wang BAKMAS ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan BAKMAS.
- 10.2. Segala cek-cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira BAKMAS hendaklah ditandatangani bersama oleh Pengerusi atau Naib Pengerusi atau Setiausaha bersama-sama bendahari.



- 10.3. Perbelanjaan yang lebih daripada RM1,000.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu Jawatankuasa. Perbelanjaan kurang daripada RM1,000.00 boleh dibelanjakan dengan kelulusan Pengerusi.
- 10.4. Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan berserta timbangan kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik mengikut undang-undang 11, dengan seberapa segera setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah di Odit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agong tahunan yang berikutan dan salinan-salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di alamat berdaftar atau di tempat mesyuarat bagi badan.
- 10.5. Tahun Kewangan Kelab ini bermula dari 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

FASAL 11 - PEMERIKSA KIRA-KIRA

- 11.1. Dua (2) orang yang bukannya ahli Jawatankuasa badan boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agong tahunan badan sebagai Pemeriksa Kira-Kira. Mereka akan memegang jawatan selama 2 tahun dan boleh dilantik semula.
- 11.2. Pemeriksa-pemeriksa Kira-Kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira badan bagi setahun dan membuat laporan atau mengesahkan untuk Mesyuarat Agong. Mereka harus juga dikehendaki bila-bila masa oleh Pengerusi memeriksa kira-kira badan bagi mana-mana masa di dalam tempoh jawatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

FASAL 12 - PINDAAN UNDANG-UNDANG

- 12.1. Sebarang pindaan atau tambahan pada Perlembagaan ini hanya boleh di buat di dalam Mesyuarat Agong dan mendapat kelulusan lebih dari 50% daripada ahli yang hadir.
- 12.2. Segala perubahan pindaan atau tambahan hendaklah diberitahu kepada Pendaftar Pertubuhan selewat-lewatnya 60 hari setelah mesyuarat agong meluluskannya. Pindaan atau tambahan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh pindaan atau tambahan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.



- 12.3. Kuat-kuasanya tidak boleh dijalankan sebelum mendapatkan kebenaran dari Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 13 - PEMBUBARAN

- 13.1. Badan ini tidak boleh dibubarkan melainkan satu keputusan yang diluluskan oleh $\frac{3}{4}$ daripada jumlah ahli-ahli biasa yang berhak mengundi.
- 13.2. Badan ini hendaklah menyelesaikan segala hutang piutangnya yang sah jika ada sebelum dibubarkan sementara bakinya hendaklah dibahagikan secara saksama mengikut keputusan yang di buat oleh Mesyuarat Agung.
- 13.3. Kenyataan bersabit dengan Pembubaran hendaklah dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh **14 hari** dari tarikh pembubaran itu.

FASAL 14 - LARANGAN

- 14.1. Ahli-ahli ditegah daripada melakukan sebarang perkara maksiat, loteri, perjudian dan perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang Negara.
- 14.2. Faedah-faedah seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966 tidaklah boleh diberi oleh kelab kepada mana-mana ahli BAKMAS.
- 14.3. Badan ini tidak boleh menjalankan apa-apa aktiviti "Pertubuhan Politik".
- 14.4. Badan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti definasi di dalam Akta Kesatuan sekerja 1959.
- 14.5. Seorang pelajar Universiti atau Universiti Kolej tidak boleh diterima sebagai ahli tanpa kebenaran secara bertulis daripada Naib Canselor Universiti atau Universiti Kolej berkenaan.

FASAL 15 - TAFSIRAN

- 15.1. Di antara mesyuarat-mesyuarat Agung, mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa bolehlah memberi tafsiran kepada undang-undang ini dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-




undang ini. Keputusan Jawatankuasa itu adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

FASAL 16 - PENASIHAT

16.1. Penasihat Badan ini ialah Ketua Hakim Syarie Negeri Perak dengan syarat mendapat persetujuannya.

FASAL 17 - PENGAMANAH

- 17.1. Tiga orang pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Badan. Semua harta tetap kepunyaan Badan akan diamanahkan kepada mereka dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed Of Trust).
- 17.2. Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik atau memindahkan hakmilik harta kepunyaan Badan dengan tidak mendapat kelulusan dan kuasa yang diberikan oleh mesyuarat agung Badan.
- 17.3. Seseorang Pengamanah itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh mesyuarat agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siaman tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab lain yang mengakibatkan ia tidak dapat menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pembuangan bagi seseorang Pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah yang dilantik baru di dalam mesyuarat agung.



(MOHD RAHIM B. HJ. ABDULLAH, AMP)
Pengerusi
Jawatankuasa Penaja
Badan Kebajikan & Sukan
Jabatan Kehakiman Syariah
Perak Darul Ridzuan



(HASNAH BT. ABD. KADIR)
Setiausaha
Jawatankuasa Penaja
Kelab Kebajikan & Sukan
Jabatan Kehakiman Syariah
Perak Darul Ridzuan





Dicetak oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Cawangan Perak, Ipoh
2003

Tel: 05-548 6835 Fax: 05-548 6834
E-mail: pnmbipoh@printnasional.com.my
Web site: www.printnasional.com.my